



BERITA PASIR GUDANG

EDISI KEDUA
2020 | 02

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MAC - APRIL 2020 | 1441 هـ



LOTTE CHEMICAL
TITAN

LOTTE CHEMICAL TITAN
SALUR SUMBANGAN BAGI
COVID 19

**PERHIMPUNAN
PAGI | BULAN MAC
2020**



4 Lantikan Ahli Majlis
MPPG

5 Lawatan EKSA dari INTAN
Kampus Wilayah Selatan (IKWAS)

7 Taklimat COVID-19 Kepada
Warga Kerja MPPG



ISI KANDUNGAN

- 3 Perhimpunan Pagi Bulan Mac 2020.
- 4 Lantikan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- 5 Lawatan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Dari INTAN Kampus Wilayan Selatan (IKWAS).
- 6 Kursus Pengurusan Jenazah Perdana (Wanita) 2020.
- 7 Lotte Chemical Titan Salur Sumbangan Bagi Covid 19.
Taklimat Berkenaan Wabak Novel Coronavirus (2019-Ncov) Kepada Warga Kerja MPPG.
- 8-9 Lensa MPPG Mac - April 2020.
- 10-15 Edisi Khas Covid-19.
- 16-17 Disinfeksi Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Di Pasir Gudang.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 LAMAN INFO : Direktori UTC; Pusat Transformasi Bandar Pasir Gudang.

DIREKTORI

JABATAN & UNIT MPPG

JABATAN / UNIT	NAMA	TELEFON
Yang Dipertua	Haji Zainor bin Adani	07-254 7701
Setiausaha	Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap	07-254 7702
Pembantu Khas Yang Dipertua/ Setiausaha Pejabat	Zanariah binti Haji Mohd Basri	07-254 7703
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan	Haji Adnan bin Abd Ghani	07-254 7781
Ketua Jabatan Kewangan	Mariaton binti Ibrahim	07-254 7710
Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Sr. Haji Mohd Ali bin Mohamed Abu Backer	07-254 7741
Ketua Jabatan Perancang Bandar	Haji Nor Rahman bin Mustaffa	07-254 7726
Ketua Jabatan Kawalan Bangunan	Haji Ismail bin Mat Taib	07-254 7724
Ketua Jabatan Kejuruteraan	Abd Majid bin Saphie	07-254 7714
Ketua Jabatan Pengukuasaan	Haji Sharif bin Idros	07-254 7752
Ketua Jabatan Kesihatan Awam	Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab	07-254 7718
Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat	Hajah Rahamah binti Mahmood	07-254 7740
Ketua Unit Audit Dalaman	Abdul Malek bin Mohamed	07-254 7737
Ketua Unit Undang-Undang	Nurazam bin Razali	07-254 7723
Unit Korporat & Perhubungan Awam	Nik Masri bin Moharani	07-254 7705
Ketua Unit Pusat Sehenti	Sarimawati binti Misbari	07-254 7865
Ketua Cawangan Pesuruhjaya Bangunan	Siti Nurashikin binti Abdul Rahman Tan	07-254 7872

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN MPPG

PEJABAT CAWANGAN	NAMA	TELEFON
Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Hajah Roslina binti Mohd Othman	07-251 7912
Pengurus Sarang Buaya	Abdul Malek bin Aziz	07-251 7208
Pengurus Yayasan Pasir Gudang	Shahrul Akmal bin Johari	07-254 7768
Muzium Layang-Layang	Nur Lina binti Abdul Karim	07-252 7796
Seramik Pasir Gudang	Mohd Junaidi bin Sahlan	07-252 8255
UTC Pasir Gudang	Mohd Shariman bin Shai In	07-255 6910
Pejabat Cawangan MPPG Jalan Gunung Seri Alam	Haji Sharif bin Idros	07-387 1025 07-387 1026 07-387 1027

PEJABAT AM

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-254 7777 / 251 3720 Faks : 07-251 5260

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MPPG hubungi kami melalui saluran di bawah :

 07-254 7777
 mppg@johor.gov.my
 MPPG : SISPAA
 Mppg.spab.gov.my
 Majlis Perbandaran
 Pasir Gudang



PERHIMPUNAN PAGI //

BULAN MAC
2020



Penyampaian cenderahati kepada warga kerja yang lahir pada bulan Mac turut diadakan.

PERHIMPUNAN BULANAN yang dianjurkan oleh MPPG ini bertujuan berkongsi aktiviti MPPG sepanjang bulan terlibat disamping menjadi *platform* kepada Yang Dipertua dalam memberi teguran dan nasihat kepada semua warga kerja atas tanggungjawab menjalankan tugas sebagai seorang penjawat awam.

Program dimulakan dengan bacaan doa, nyanyian lagu kebangsaan, seterusnya ucapan dari Tuan Setiausaha, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap, dan penyampaian cenderahati kepada warga kerja yang lahir pada bulan Mac. Program berakhir dengan aktiviti senamrobik.





LANTIKAN AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG telah menerima 4 orang Ahli Majlis yang baru. Lantikan telah dibuat pada 16 April yang lalu bertempat di Aras 19, Menara Aqabah.

Empat orang Ahli Majlis tersebut ialah :

1. Dato' Haji Mohd Amin bin Ahmad
2. Encik Fauzi bin Faizal
3. Tuan Haji Azizul bin Bachok
4. Tuan Haji Baharudin bin Muhamed Taib



Dato' Haji Mohd Amin
bin Ahmad



Encik Fauzi bin Faizal



Tuan Haji Azizul bin Bachok



Tuan Haji Baharudin
bin Muhamed Taib

LAWATAN

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

DARI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

KAMPUS WILAYAH SELATAN (IKWAS)



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG telah menerima lawatan EKSA dari INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) pada 17 Mac yang lalu. Seramai 5 warga kerja IKWAS telah menyertai sesi lawatan ini yang diwakili oleh Puan Jamilah binti Tamat, Penyelaras EKSA, Institut Awam Negara Kampus Wilayah Selatan (IKWAS).

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai program EKSA yang dijalankan di MPPG bermula dari awal sehingga berjaya memperoleh sijil penghargaan dari Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Seterusnya selepas sesi soal jawab dan pertukaran penyampaian cenderahati, delegasi telah dibawa melawat ke Zon EKSA di MPPG iaitu Zon Nibium (Bahagian Lanskap), di bawah pengurusan Lar. Puan Zanariah binti Kadir.

Semoga lawatan yang dianjurkan ini, mampu memberi sedikit pengetahuan dan perkongsian kepada pihak IKWAS mengenai pendedahan dan program EKSA yang dijalankan.



KURSUS PENGURUSAN JENAZAH PERDANA (WANITA) 2020



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah Perdana (Wanita) Pasir Gudang 2020 pada 8 Mac yang lalu bertempat di Balai Islam, Masjid Al-Munawarah, Jalan Ciku, Taman Kota Masai, Pasir Gudang yang telah dihadiri hampir 100 orang yang terdiri dari kaum wanita golongan belia dan ahli khairat kematian dari setiap Jawatankuasa Penduduk Zon (JKPZ) Pasir Gudang.

Program kali pertama penganjurannya ini adalah khusus bagi pengendalian jenazah wanita sahaja. Antara objektif program ini adalah menyediakan barisan pelapis pengurusan jenazah di setiap masjid dan surau, mewujudkan satu pasukan bersepada pengurusan jenazah di Pasir Gudang, melahirkan sekurang-kurangnya seorang setiap keluarga yang boleh mengendalikan jenazah. Ia juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa pengurusan jenazah harus dipelajari oleh setiap muslim selain mampu mewujudkan individu sukarelawan dan di kalangan ahli waris bagi menguruskan jenazah apabila berlaku kematian dan tidak bergantung semata-mata kepada imam atau bilal yang diberi tugas.

Program bermula seawal jam 8.00 pagi dengan kehadiran para peserta membuat pendaftaran dan minum pagi. Seterusnya ucapan aluan dan perasmian telah disampaikan oleh Puan Hajah Rahamah binti Mahmood selaku wakil rasmi Yang Dipertua MPPG. Kursus ini dikendalikan oleh fasilitator jemputan dari Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru, Puan Hasnah binti Jaffar. Para peserta mengikuti kelas teori terlebih dahulu sebelum melakukan latihan praktikal seperti penyediaan kain kapan, memandikan jenazah dan mengkafarkan jenazah. Sepanjang kursus ini berlangsung, para peserta berpeluang bertanya secara terus sebarang kemusykilan berkaitan pengurusan jenazah yang betul kepada fasilitator yang dijemput.

Kursus tamat pada jam 1.00 tengahari selepas jamuan makan tengahari. Seorang peserta Puan Azmawati dari Perjiranan Taman Air Biru berkata “Ini merupakan kali pertama saya menyertai kursus seperti ini. Antara pengisiannya saya dapat mempelajari ilmu pengurusan jenazah secara teori dan praktikal”.



LOTTE CHEMICAL TITAN SALUR SUMBANGAN BAGI

COVID 19

SUMBANGAN telah disampaikan oleh Pihak Pengurusan Lotte Chemical Titan Pasir Gudang kepada Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Sumbangan yang disalurkan adalah berjumlah RM42,700.00 kepada tabung Yayasan Pasir Gudang yang dikhaskan bagi membantu golongan tidak berkemampuan khususnya yang tinggal di Pasir Gudang dalam menjalani kehidupan sehari-hari di saat mendepani risiko pandemik Covid 19 dan bergantung hidup dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2020.



TAKLIMAT BERKENAAN WABAK NOVEL CORONAVIRUS (2019-NcOV) KEPADA WARGA KERJA MPPG

BERIKUTAN WABAK COVID-19 yang semakin membimbangkan, Majlis Perbandaran Pasir Gudang mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu taklimat mengenai wabak ini kepada semua warga kerjanya.

Taklimat telah diadakan pada 16 Mac yang lalu bertempat di Aras 3 Menara Aqabah. Antara objektif taklimat ini diadakan ialah bagi memberi pendedahan kepada anggota kerja tentang bahaya jangkitan virus ini serta cara-cara pencegahan wabak dari merebak khususnya dikalangan warga kerja. Dr. Nur Sujaidah binti Hanafi, Pegawai Perubatan dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah dijemput sebagai penceramah.





LENSA MPPG

MAC & APRIL 2020

MESYUARAT AHLI MAJLIS (4/3/2020)



TAKLIMAT PEROLEHAN PERUNDING BAGI PENILAIAN SEMULA PEGANGAN
BERCUKAI DI PIHKAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR (12/3/2020)



**TAKLIMAT BERKENAAN WABAK NOVEL CORONAVIRUS
(2019-NCOV) KEPADA WARGA KERJA MPPG (16/3/2020)**



LAWATAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DARI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) KAMPUS WILAYAN SELATAN (IKWAS) (17/3/2020)



PENGESANAN KES AKTIF COVID-19

PENGESANAN KONTAK KES COVID-19

Pengesanan kontak adalah satu prosedur untuk mengesan individu yang mempunyai kontak rapat kepada pesakit COVID-19. Proses ini bertujuan untuk membendung penularan penyakit dalam kelompok komuniti dan memudahkan pengawalan penyakit.

KONTAK RAPAT ADALAH:



Orang yang
tinggal dalam rumah
bersama kes COVID-19



Orang yang
bekerja bersama
kes COVID-19



Orang yang
membuat perjalanan
bersama kes COVID-19

PENGESANAN KES SECARA AKTIF (ACTIVE CASE DETECTION)

Pengesanan kes secara aktif bermaksud anggota kesihatan melaksanakan aktiviti mengesan kes di lapangan.

Apabila terdapat kes jangkitan COVID-19 baru dikesan, kes tersebut akan dilaporkan/dinotifikasi dan Pejabat Kesihatan Daerah akan mengaktifkan **Risk Assessment Team (RAT)**.

RAT akan menghubungi pesakit di hospital melalui telefon bagi mendapatkan maklumat sejarah perjalanan dan kontak rapat sepanjang 14 hari yang lepas.

Semua kontak rapat akan dihubungi oleh pasukan **Rapid Response Team (RRT)** bagi mendapatkan status kesihatan.

Sekiranya kontak tidak dapat dihubungi, Pasukan RRT akan turun ke lapangan, mencari kontak tersebut bagi tujuan yang sama.

Setelah saringan dijalankan, kontak yang disahkan positif akan dirujuk ke hospital.

Manakala kontak yang disahkan negatif akan dikuarantin di rumah berdasarkan Seksyen 15 (1) Akta 342.

Kontak yang negatif akan diberikan borang **Home Assessment Tool** untuk menilai tahap kesihatan harian secara kendiri.

Pihak Pejabat Kesihatan Daerah akan memantau dan menghubungi kontak tersebut dari semasa ke semasa dalam tempoh 14 hari.

Semasa dalam kuarantin, jika bergejala, kontak rapat tersebut akan dirujuk ke hospital.

SUMBER MAKLUMAT SAHIH MENGENAI COVID-19



Keeping Malaysia Up To Date

Majlis Keselamatan Negara

Kementerian Kesihatan
Malaysia



Majlis Keselamatan Negara

Laman Sesawang Rasmi



Infosihat



Covid-19




Majlis Keselamatan Negara



Facebook Rasmi



Kementerian Kesihatan
Malaysia



Portal MyHealth KKM



Twitter Rasmi



@MyHEALTHKKM @KKMPutrajaya



Telegram Rasmi



Sihat Milikku



CPRC KKM

SUMBER : My HEALTH For Life



AMALKAN
3W



WASH

KERAP BASUH TANGAN DENGAN AIR DAN SABUN ATAU PENSANITASI TANGAN (HAND SANITIZER)

WEAR

MEMAKAI PELITUP MUKA APABILA BERGELAJA ATAU KELUAR RUMAH



WARN

JANGAN BERSALAMAN ATAU BERSENTUHAN



LAKUKAN DISINFEKSI



AMALKAN ETIKA BATUK ATAU BERSIN



DUDUK DI RUMAH



DAPATKAN RAWATAN JIKA BERGEJALA



KESAN COVID-19 KEPADA RAKYAT MALAYSIA: NORMA BAHARU



TEMPAT SESAK
(CROWDED PLACE)



TEMPAT SEMPIT DAN TERTUTUP
(CONFINED SPACE)

SEMBANG DEKAT-DEKAT
(CLOSE CONVERSATION)

ELAKKAN
3S/3C



**AMALKAN CARA HIDUP SIHAT
PATUHI SOP YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KERAJAAN**



Muat turun & daftar aplikasi MySejahtera

APLIKASI MySejahtera

BANTU KAMI UNTUK BANTU ANDA

Apakah aplikasi MySejahtera?

MySejahtera merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan kendiri. Pada masa yang sama, ia membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat maklumat awal untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan.

Aplikasi MySejahtera memberikan kemudahan untuk:

Membantu Kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan seterusnya menangani wabak COVID-19.

Membantu individu mengenal pasti tahap kesihatan mereka sepanjang penularan wabak COVID-19.

Membantu individu mendapatkan bantuan kesihatan dan tindakan yang perlu diambil jika dijangkiti COVID-19.

Membantu individu mengenal pasti hospital dan klinik terdekat untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan COVID-19.



Siapakah peneraju aplikasi MySejahtera?

Aplikasi MySejahtera dibangunkan melalui kerjasama strategik Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Muat turun melalui :

• Apple App Store (IOS 11 Ke Atas)



• Huawei Appgallery



• Google Play Store (Android versi 4.4)



SUMBER : My HEALTH For Life

Perubahan emosi dan psikologi yang mungkin berlaku kepada anda:



Gangguan tidur



Perubahan selera makan



Bimbang



Cepat tersinggung



Berdebar-debar



Sukar tumpukan perhatian kepada sesuatu perkara



Mudah rasa sedih dan menangis



Sukar bernafas



Hilang minat terhadap aktiviti yang disukai

COVID-19

Tip mengawal perubahan emosi dan psikologi

Dapatkan tidur yang secukupnya

Bertenang, kawal minda dan kawal emosi

Fokuskan kepada kebaikan dan positiviti

Melakukan senaman atau aktiviti fizikal

Dapatkan nasihat kesihatan dan lakukan pemeriksaan di klinik/hospital terdekat

Jika anda mengalami gejala di bawah, sila dapatkan bantuan daripada klinik / hospital terdekat.

Makan makanan berkhasiat

Berikan kata-kata positif kepada diri sendiri

Uruskan emosi dengan positif

Bercakap dengan seseorang yang dipercayai

Ambil masa untuk rehat seketika

Lakukan teknik relaksasi seperti latihan pernafasan secara teratur

Minta bantuan profesional seperti kaunselor


Berpuas hati dengan apa yang telah dicapai dalam tugas

Langkah Hadapi BURNOUT

Semasa Bertugas

9

KESIHATAN MENTAL




SUMBER : My HEALTH For Life



DISINFEKSI

SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI PASIR GUDANG

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG di bawah Jabatan Kesihatan Awam telah mengadakan program disinfeksi atau sanitasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac yang lalu. Kawasan-kawasan yang diberi keutamaan kawasan yang melibatkan penggunaan kerap oleh orang awam. Antaranya pasar awam, masjid, surau, stesen bas, laluan pejalan kaki, tandas awam, semai niaga dan perpustakaan awam.







YAYASAN PASIR GUDANG

GERAKAN PRIHATIN | COVID-19

YAYASAN PASIR GUDANG

TARIKH : 29 MAC 2020 - 22 APRIL 2020
MASA : 10.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
TEMPAT : 24 ZON PENTADBIRAN MPPG



YAYASAN PASIR GUDANG (YPG) telah mengadakan program Gerakan Prihatin Covid-19 Yayasan Pasir Gudang sepanjang bulan Mac dan April. Tujuan utama program ini adalah bagi membantu meringankan beban masyarakat kurang berkemampuan dan keluarga terjejas akibat Pandemik Covid-19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bantuan telah disalurkan kepada 24 Zon di bawah pentadbiran MPPG dan ditaja sepenuhnya oleh YPG.





LAMAN INFO

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

DIREKTORI



ARAS
2

- L2.01 TEKUN NASIONAL
- L2.02 JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)
- L2.03 JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)
- L2.04 JABATAN IMEGRESEN MALAYSIA (JIM)
- L2.05 MUAFAKAT JOHOR
- L2.06 PEJABAT PENGURUSAN UTC
- L2.07 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
- L2.30 BILIK MESYUARAT
- L2.31 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
- L2.32 PERBADANAN TABUNG PENGAJIAN TINGGI NASIONAL
- L2.33 KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA
- L2.54A TABUNG HAJI TRAVEL
- L2.54B PESURUHJAYA SUMPAH

ARAS
1

TALIAN KAUNTER PELBAGAI :
07-255 6910

SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



TELEFON

07-254 7777



FAKS

07-251 5260



EMEL

mppg@johor.gov.my



SKUAD TINJAU

013-377 1710

APLIKASI MUDAH ALIH
DARIPADA KPKT



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

Majlis Perbandaran Pasir Gudang & Yang Dipertua MPPG